

**BAHASA MELAYU
TAHUN 6
CIKGU IQAL**


KATA ADJEKTIF DAN KATA BANTU

NOTA RINGKAS

- 1 **Kata adjektif** digunakan untuk menerangkan sifat sesuatu benda, orang, tempat dan sebagainya.
- 2 Kata adjektif terbahagi kepada sembilan jenis:

Jenis	Contoh Kata Adjektif
Sifat	Tenang, pemalu, sihat
Jarak	dekat, jauh, hampir
Warna	Merah, biru, kuning
Cara	Deras, laju, lincah
Ukuran	Panjang, lebar, tinggi
Perasaan	Suka, marah, sedih
Bentuk	Bujur, segi tiga, bulat
Waktu	Awal, lampau, silam
Pancaindera	Pandang: cantik, indah
	Dengar: merdu, sumbang, lunak
	Rasa: masam, manis, kelat
	Bau: wangi, busuk, harum
	Sentuh: kasar, licin, kesat

- 3 **Kata bantu** berperanan untuk menambah makna frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.
- 4 Terdapat **dua** jenis kata bantu, iaitu:



PRAKTIS

A Isikan tempat kosong dengan kata adjektif yang sesuai.

hangir

tohor

merdu

cantik

kusam

lusuh

lemau

kelat

payau

berat

tengik

- 1 Ikan yang terletak di atas meja berbau _____.
- 2 Air telaga berhampiran rumah Mak Cik Fatimah rasanya _____.
- 3 Beg pakaian yang dibawa oleh Natasha sangat _____.
- 4 Pisang muda yang dibawa oleh Marimuthu _____ rasanya.
- 5 Bunga orkid yang ditanam oleh Puan Lai sangat _____.
- 6 Kain batik yang dibeli oleh nenek dua tahun yang lepas telah menjadi _____.
- 7 Minyak masak itu tidak boleh digunakan lagi kerana berbau _____.
- 8 Keropok yang digoreng oleh Kak Ina semalam telah menjadi _____.
- 9 Air Sungai Pahang telah menjadi _____ kerana musim kemarau yang berpanjangan.
- 10 Suara burung merbuk kepunyaan Pak Cik Tamrin sangat _____.
- 11 Suara penyanyi itu sangat _____.
- 12 Gadis yang berbaju kurung biru itu _____ sekali.
- 13 Pucuk jambu air itu _____ rasanya.
- 14 Talam tembaga itu kelihatan _____ kerana tidak dijaga.
- 15 Suzy tidak mampu mengalihkan batu yang _____ itu.

B Gariskan kata bantu yang terdapat dalam ayat di bawah.

- 1** Kita mesti mematuhi peraturan jalan raya.
- 2** Dia hendak ke pasar untuk membeli ikan.
- 3** Ayah belum pulang walaupun hari telah petang.
- 4** Pak Mat sedang menyusun kotak kosong di belakang rumahnya.
- 5** Dia akan membawa adiknya ke taman permainan.
- 6** Natalia masih mengecat dinding makmal sekolahnya.
- 7** Dahlia pernah ke Pantai Sepat bersama keluarganya.
- 8** Alya pernah melawat Zoo Negara bersama kawan-kawannya.
- 9** Aminah akan melanjutkan pelajarannya ke Australia.
- 10** Amri tidak pernah menaiki kereta api.
- 11** Junaidah dapat membeli sebuah beg dengan wang simpanannya.
- 12** Mereka patut meminta izin ibu bapa sebelum ke pekan.
- 13** Rudy mahu pulang ke kampung dengan menaiki bas.
- 14** Adik sabar menunggu ibu yang sedang memasak.
- 15** Saya akan belajar dengan bersungguh-sungguh.

SUDUT UJI DIRI

Jawab soalan-soalan di bawah dengan betul.

- 1 Kemarau yang panjang telah menyebabkan air sungai menjadi _____.

A tohor
B deras
C dalam
D laju

- 2 Rumah Kumar sangat _____ dari sekolah.

A rapat
B jauh
C renggang
D jarang

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Tidak terangkat oleh Ahmad batu yang _____ itu.

A ringan
B besar
C keras
D gagah

- 4 Pak Deris mengasah pisaunya supaya _____.

A tumpul
B tajam
C runcing
D nipis

- 5 Kekabu yang _____ itu berterbangan dibawa angin.

A lembut
B gebu
C ringan
D nipis

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Nyatakan kata adjektif yang terdapat dalam gambar di atas.

A Layu – cantik – kusam
B Cantik – indah – mekar
C Indah – cantik – layu
D Layu – kecil – cantik

- 7 Angin yang bertiup _____ telah menerbangkan beberapa keping atap rumah Mak Cik Zabedah.

A kencang
B laju
C lembut
D deras

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



- 8 Mei Hua mencium bunga mawar yang berbau _____ itu.

A mekar
B hamis
C harum
D segar

- 9 Bangunan _____ itu akan dirobohkan oleh pihak Majlis Perbandaran.

A gagah
B usang
C teguh
D cantik

- 10 "Untuk berjaya kita haruslah berdisiplin dan _____ mencuba sesuatu yang baharu" pesan Puan Norbaya kepada anak muridnya.
A berani
B rajin
C keras
D tabah

- 11 Lidah Amir menjadi _____ selepas makan nenas.
A keras
B lelah
C lidas
D panas

- 12 Air telaga di belakang rumah itu _____ rasanya.
A pahit
B kelat
C manis
D payau

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



- 13 Amira memotong rambut Lina yang _____ itu.
A panjang
B halus
C bengkok
D lembut
- 14 Kuih bangkit yang dibuat oleh ibu Adli sangat _____.
A empuk
B naik
C gebu
D ranuh

- 15 Ubi kayu yang dimasak oleh Mak Temah sangat _____.
A empuk
B naik
C gebu
D rapuh

- 16 Jalan ke rumah Puan Umairah _____ seperti ular dipalu.
A lurus
B bengkok-bengkok
C lebar
D pendek

- 17 Pulau Tioman kelihatan _____ dari jauh.
A samar
B sayup
C jelas
D rendah

- 18 Jeritan Suria kedengaran _____ dari jauh.
A jelas
B sayup
C merdu
D sumbang

- 19 Air sungai Pahang mengalir _____ ke muara.
A deras
B cepat
C laju
D pantas

- 20 Sambal tumis ikan bilis yang dimasak oleh kakak sangat _____.
A pedas
B pahit
C hanyir
D tawar